



# SAYA PUN MELAYU

EDISI  
BARU

23

# ZAID IBRAHIM



DR. MAHATHIR MOHAMAD



**SAYA  
PUN  
MELAYU**



**ZAID IBRAHIM**



ZI Publications Sdn. Bhd. 398106-W

**PUSTAKA PERDANA**



**1011298**



*Saya Pun Melayu.* Hakcipta © Zaid Ibrahim, 2009, 2017

Semua hakcipta terpelihara.

Kecuali petikan-petikan pendek untuk ulasan-ulasan akhbar, majalah, Internet, radio, atau televisyen, mana-mana bahagian daripada buku ini tidak dibenarkan dikeluarkan semula dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Pertama kali diterbitkan 2009

*Ulangcetak 2009, 2010, 2011*

Edisi Baru terbitan pertama 2017

*Diterbitkan oleh*



ZI Publications Sdn. Bhd. <sup>398106-W</sup>

B-2-19, Merchant Square,  
Jalan Tropicana Selatan 1,  
PJU 3, 47410 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan  
Tel: +603-7885 0021  
Faks: +603-7885 0027

ISBN 978-967-5266-42-3

*Reka Letak/Rekebentuk kulit depan:*

Tiram Studio & Design  
/ tiramstudio@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan  
Zaid Ibrahim, 1951-

*Saya Pun Melayu / Zaid Ibrahim*

ISBN 978-967-5266-42-3

1. Malays--Attitudes. 2. Malays—Politics and government. I. Judul.  
305.89923

*Dicetak oleh:*

BS Print Sdn Bhd  
No 10 Jalan Indrahana 1  
Off Jalan Kuchai Lama  
Kuala Lumpur, Malaysia

305.89923  
7A1

*Buat Alysha, semoga satu hari nanti dikau mencapai  
cita-citamu menjadi terkenal dalam bidang seni*



---

# KANDUNGAN

---

Nota Pengarang Untuk Edisi Baru	9
Kata Pengantar	12
Pendahuluan	16

---

## Bahagian I

Peletakan Jawatan Sebagai Menteri Ketuanan Melayu	35
Siapakah Seorang Melayu?	63
Raja, Perlembagaan dan Maruah Melayu	83
Apakah Yang Penting Bagi Orang Melayu?	93
Politik Malaysia: Ke manakah Arahnya?	105
	119

---

## Bahagian II

Mengenal Erti Hidup	131
Melangkah ke Dunia Baharu	141
Memburu Impian	155
Menjadi Seorang Peguam	169
Ladang Kecil Saya	183

Mengenalai Politik	197
Resipi Untuk Berjaya Dalam UMNO	205
Kisah Bulan Ramadhan	211
Kerja Kebajikan dan Kesenian	219

### **Bahagian III**

---

Penderitaan Salleh Abas	231
Mahathirisme	249
Politik Melayu dan Pakatan Rakyat	259
Penyisihan Bangsa Melayu	271
Fasisme, Komunisme dan Kebebasan	279
Menjadi Hamba di Zaman Moden	287
Masa Depan Melayu	295
Melayu Yang Angkuh dan Penakut	305
Sumbangan Kaum Bukan Melayu	313
Politik dan Moral	319
Pemimpin Yang Saya Hormati	339
Penutup	353

# NOTA PENGARANG UNTUK EDISI BARU



**S***aya Pun Melayu* telah diterbitkan buat pertama kalinya pada tahun 2009. Sambutan yang amat memberangsangkan telah membawa kepada penerbitan edisi bahasa Inggeris beberapa bulan selepas itu. Kemudiannya, ramai juga rakan-rakan saya yang berbangsa Cina mencadangkan agar ia diterbitkan di dalam bahasa Cina, jadi saya telah memenuhi hasrat mereka dan Penasihat DAP Dr. Chen Man Hin telah melancarkan edisi tersebut pada tahun 2010. Saya amat terkejut apabila versi Bahasa Cina juga mendapat sambutan yang baik seperti mana edisi bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kesedaran bahawa buku ini berjaya menyentuh pembaca berbilang kaum di Malaysia merupakan saat paling membanggakan di dalam kerjaya saya sebagai seorang penulis.

*Saya Pun Melayu* merupakan secebis daripada sejarah kehidupan saya dan juga catatan ringkas mengenai pandangan politik serta idea-idea mengenai kehidupan seharian saya. Ia telah diilhamkan setelah saya tidak lagi berkhidmat untuk Kerajaan dan tidak lagi bekerja

sepenuh masa. Ia adalah sebuah buku yang saya harapkan dapat dibaca oleh cucu-cucu saya kelak supaya mereka akan lebih memahami Tok Dee mereka ini.

Karya ini juga saya tujukan kepada bekas rakan seperjuangan saya di dalam UMNO, yang tidak henti-henti menyerang saya. Saya telah membangkitkan kemarahan mereka kerana saya begitu kritikal terhadap parti mereka, oleh itu saya dikatakan tidak mengenang budi dan tidak cukup Melayu.

Saya percaya kepada tadbir urus yang baik, keadilan untuk semua, tanpa mengira bangsa atau agama, tetapi ini jelas sekali tidak sealiran dengan pandangan mereka, di mana Melayu didahulukan. Saya pernah menjadi ahli UMNO selama bertahun-tahun lamanya kerana saya juga merasakan adalah wajar sekiranya Melayu diberikan bantuan yang lebih, agar kita setara dengan kumpulan etnik lain di Malaysia. Namun begitu, pada masa yang sama juga, saya percaya – dan masih percaya – bahawa keutamaan tanpa batasan bagi komuniti Melayu hanya akan memudaratkan Melayu itu sendiri. Saya khuatir ia akan menjadikan mereka angkuh, atau lebih buruk lagi, mereka akan menjadi tamak. Apa yang sedang berlaku sekarang telah membuktikan bahawa saya tidak silap.

Di dalam buku ini, saya cuba menunjukkan bahawa Melayu mampu berjaya walaupun peluang yang diberikan hanyalah seadanya, dan mereka akan menjadi tamak sebaik sahaja mereka menganggap diri mereka berhak ke atas keistimewaan yang telah diberikan. Kita sudahpun dapat melihat begitu banyak kes di mana terdapatnya penyaluran keluar atau pembaziran kemewahan yang sepatutnya menjadi milik rakyat.

Dasar untuk membantu golongan miskin, termasuk Melayu, tidak seharusnya menjadi toksik, ia sepatutnya bermoral, telus dan tidak mengelak daripada penelitian. Kita harus mampu mengawal kehidupan sendiri dan tidak menyalahkan orang lain di atas kelemahan sendiri. Saya juga percaya bahawa kita harus mengurangkan diskriminasi berinstitusi yang dibawa oleh kerajaan pimpinan UMNO supaya kita

boleh terus maju ke hadapan untuk mencapai penyatuan rakyat. Oleh itu, strategi positif yang bijak, adil dan telus amat diperlukan, bukannya dasar UMNO sekarang ini yang arbitrari dan bergantung kepada penaung.

Hampir 10 tahun telah berlalu sejak penerbitan pertama buku ini. Pucuk pimpinan negara telah bertukar tangan, dan tanggungjawab kini telah diserahkan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi kepada Datuk Seri Najib Razak. Perubahan ini tidak menguntungkan Malaysia; kenyataannya, ramai yang menyatakan bahawa keadaan sudah menjadi semakin buruk.

Di dalam edisi terbaharu ini, saya telah menambah enam lagi catatan, tertumpu kepada isu-isu tambahan yang menjejaskan kejayaan komuniti Melayu, contohnya kesetiaan membuta tuli kepada pemimpin dan toleransi yang amat tinggi terhadap rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Saya juga telah menulis mengenai bagaimana agenda politik masih terus merosakkan jiwa Islam, dengan kesan-kesan yang memudaratkan. Kita telah melihat begitu banyak contoh bagaimana ini meranapkan pemikiran logik di dalam dasar-dasar kerajaan, bahkan di dalam perbincangan dalam lingkungan awam. Dasar Melayu didahulukan akhirnya akan memperhambakan minda Melayu. Ia akan menjadikan mereka komuniti yang tersisih, dan pastinya, musuh kepada diri sendiri.

Saya amat berharap agar catatan tambahan ini bukan sahaja akan menambat hati pembaca malah membolehkan kita untuk lebih menyelami pemikiran Melayu hari ini.

**Zaid Ibrahim**

# KATA PENGANTAR



**T**ulisan dan buku mengenai politik tanah air dan hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan rakyat amat diperlukan sekarang ini. Buku ini melihat perkembangan ini daripada perspektif seorang bekas pemimpin UMNO dan bekas seorang Menteri. Tidak pernah dalam sejarah Malaysia, negara mengalami pelbagai krisis serentak yang menyebabkan jalan penyelesaian amat sukar untuk ditemui. Saya melihat konflik politik semasa yang mengancam kehidupan kita ini akan membawa kepada krisis Perlembagaan yang lebih meruncing. Pada masa yang sama, rakyat Malaysia akan mengalami keperitan kesan krisis ekonomi global yang tidak pernah dirasai sebelum ini.

Isu perkauman dan agama yang sering diapi-apikan oleh ahli politik dan media juga semakin memburukkan keadaan. Persepsi awam terhadap Pimpinan Negara yang memegang kuasa sejak 2003 tidak memberangsangkan, malah bakal diatasi oleh persepsi negatif dan pelbagai tohmahan.

Masalah negara yang serius perlu ditangani segera. Tetapi kita tahu UMNO tidak mampu melakukannya secara bersendirian. Masalah semakin membukit sejak beberapa dekad lalu. Ia tidak boleh dipulihkan dengan hanya menggantikan pucuk pimpinan sahaja, kerana UMNO yang kita kenali hari ini sudah tidak lagi demokratik dan hanya bersifat menjaga kepentingan orang atasan sahaja.

Perjuangan UMNO yang asal, telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai parti orang Melayu dan parti yang mampu membela dan mempertahankan kedaulatan Raja-Raja Melayu serta mencapai kecemerlangan kepimpinan politik Melayu. Ini adalah kerana UMNO berjaya membangkitkan imaginasi rakyat Malaysia. Walaupun dahulu peluang pendidikan untuk anak-anak Melayu tidak banyak, negara kita tetap mempunyai pemimpin-pemimpin bermutu tinggi yang mampu menyatukan masyarakat majmuk dan menyuarakan wawasan ini dengan penuh keyakinan dan berasaskan kedaulatan undang-undang.

Bandingkan betapa luasnya dunia kita dahulu, dengan kesempitan fikiran yang kini semakin menonjol. Pemimpin-pemimpin UMNO sekarang telah menstrukturkan, menekan dan membeli parti supaya tidak ada lagi ahli yang benar-benar ingin berbakti untuk menggantikan mereka.

Kerakusan kuasa dalam UMNO juga telah menjejaskan MCA, MIC dan Gerakan serta parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain. Perkongsian kuasa yang diperoleh secara rundingan sejak Merdeka di kalangan anggota Perikatan dan BN sudah tidak berfungsi lagi, bukan kerana kegagalan satu atau dua individu, tetapi kerana strukturnya telah berubah.

Mungkin ramai pemimpin UMNO hari ini sudah lupa bahawa kejayaan Perikatan dan BN yang dahulu itulah yang telah menjamin kejayaan dalam pilihan raya, memastikan kedudukan kaum dan agama dipertimbangkan serta memastikan kestabilan politik di negara ini. Keruntuhan sistem itu adalah perkara yang amat serius sekali. Ini adalah kerana kita tidak mempunyai sistem lain selain daripada formula yang telah terbukti kejayaannya itu.

Apabila UMNO tersasar jauh daripada arus perdana Malaysia, akan muncullah godaan di kalangan pihak tertentu untuk mencari sokongan melalui sentimen perkauman dan agama. Maka akan muncul juga kecenderungan untuk mengekalkan kuasa menggunakan apa sahaja peralatan negara. Memang ini boleh membantu mencapai kemenangan tetapi apalah maknanya jika ia dihasilkan tanpa keyakinan dan secara tidak sah .


Mereka yang mengamalkan politik seperti ini telah menghancurkan maruah dan integriti kerajaan dan institusi-institusi utama seperti polis dan badan kehakiman. Mereka memperlekehkan kedaulatan undang-undang. Malah kemuliaan Parlimen juga telah dicabul. Apabila kerajaan hilang mandat untuk memerintah, ruang yang ada hanyalah menggunakan kekerasan untuk kekal berkuasa.

Atas sebab-sebab inilah saya mengalu-alukan usaha Zaid Ibrahim menulis buku ini yang saya lihat sebagai satu percubaan untuk memberi penyelesaian kepada masalah orang Melayu dan rakyat Malaysia amnya. Beliau telah memberi analisis yang baik berdasarkan pengalamannya dalam UMNO dan apa yang dilihatnya sebagai virus dalam UMNO. Ahli-ahli UMNO harus meneliti buku ini dengan tenang, tanpa perlu melenting dan marah-marah apabila ditegur atau dikritik seperti kebiasaan mereka sejak berdekad yang lalu.

Saya rasa buku ini juga patut dibaca oleh anak-anak muda kita, khususnya yang berada di luar bandar dan mempunyai keluarga yang kurang berkemampuan. Tanpa berselindung, Zaid telah menulis mengenai latar belakang hidupnya yang berasal dari kampung dan penuh dengan ranjau kehidupan untuk mencapai kejayaan bagi diri dan keluarganya. Beliau juga memberi penekanan kepada nilai yang baik yang patut ada dalam diri orang Melayu yang mahu berjaya dalam hidup mengikut lunas-lunas yang bersih. Maksudnya, orang Melayu mampu mencapai kejayaan tanpa perlu menjual harga diri dan prinsip hidup, sebaliknya dengan usaha gigih dan sikap bertanggungjawab. Anak-anak muda patut memberi perhatian dalam hal ini kerana sebagai

orang Melayu yang beragama Islam, nilai-nilai murni itu lebih penting dari pangkat, kedudukan dan wang ringgit.

Syabas saya ucapkan tahniah kepada Zaid kerana telah cuba untuk membuka minda rakyat khususnya di kalangan orang Melayu yang dahagakan suara rasional dan mahukan perubahan positif.



**Tengku Razaleigh Hamzah**

*Kuala Lumpur*

*Mac 2009*

# PENDAHULUAN



**B**idang penulisan bukanlah sesuatu yang mudah atau *natural* bagi saya. Penulisan memerlukan kebolehan yang pelbagai, buah fikiran yang bernas dan kemahiran bahasa yang tinggi untuk meluahkan pendapat dari hati sanubari. Saya tidak mempunyai banyak pengalaman menulis dan setakat ini hanya sebuah buku sahaja, *In Good Faith* yang telah saya hasilkan dan buku tersebut telah diterbitkan pada tahun 2007. Alhamdulillah, sambutan terhadap *In Good Faith* sungguh baik. Kini terjemahan buku tersebut ke dalam bahasa Melayu sedang diusahakan dan akan diterbitkan seawal-awalnya April 2009. Buku *Saya Pun Melayu* ini merupakan percubaan pertama saya untuk menulis di dalam Bahasa Melayu. Buku ini tidak akan memberikan analisis yang mendalam mengenai dunia orang Melayu seperti *The Malay Dilemma*, karya hebat oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Ia juga bukanlah sebuah buku mengenai politik, yang mengutarakan ideologi atau pandangan politik untuk orang Melayu atau Malaysia. Ia hanyalah catatan suara

hati saya mengenai nilai, sikap dan cabaran masa kini yang dihadapi oleh orang Melayu. Tulisan ini mencatatkan cebisan kisah hidup saya yang saya kira penting untuk dikongsikan bersama generasi muda, samada Melayu atau bukan Melayu.

Apabila saya menyebut *Saya Pun Melayu*, ianya adalah dengan tujuan untuk memperkenalkan kepada orang ramai bahawa saya Melayu kerana saya sememangnya orang Melayu, yang mempunyai sejarah keturunan Melayu. Nenek moyang saya merupakan orang Melayu yang lahir, membesar dan menamatkan riwayat di Kelantan. Mereka bukan datang dari India, Semenanjung Arab, Yemen, Turki atau Indonesia. Saya Melayu bukan semata-mata kerana Perlembagaan Persekutuan membuat tafsiran mengenai Melayu yang bertujuan untuk memperluaskan takrifan seorang Melayu. Saya Melayu kerana keturunan saya sudah lama Melayu. Saya juga Melayu kerana saya bangga dengan adat resam dan tradisi Melayu. Saya sayang kepada kesenian Melayu, muzik Melayu dan bahasa Melayu walaupun ada yang mengaku Melayu tetapi cuba menolak kesenian dan kebudayaan Melayu kerana kononnya ia bertentangan dengan agama.

Tetapi, pada masa yang sama, saya juga menganggap diri saya kosmopolitan, selesa dengan kepelbagaian, dan pastinya senang dengan kehidupan moden yang berbilang kaum, budaya dan agama. Saya tidak seperti sesetengah pihak yang cuba menggambarkan bahawa mereka sahajalah Melayu tulen sedangkan yang lain Melayu campuran. Pada saya tidak ada untungnya kita menjadikan tafsiran siapa itu Melayu sebagai satu stereotaip atau memperkecilkan kumpulan lain yang juga Melayu semata-mata kerana kita bertentangan pemikiran dan nilai, serta cara hidup. Stereotaip Melayu tidak sepatutnya wujud kerana seperti bangsa dan kaum lain di dunia ini, Melayu mempunyai banyak serpihan dan lapisan, banyak ketidaksamaan, banyak ragam. Ilmu dan pendidikan serta nilai dan sikap yang positif; selaras dengan keperluan dan cabaran semasa, adalah lebih penting bagi kemajuan orang Melayu. Ini lebih penting dari asal-usul dan keturunan, dan pada parti mana

orang Melayu itu bersandar. Malah nilai dan sikap positif amat penting dalam bidang di mana orang Melayu dianggap sangat berjaya—politik—kerana ia memerlukan nafas dan pendekatan baharu. Politik Melayu amat memerlukan reformasi dari dalam dan luar.

Di dalam buku ini, saya akan mengisahkan mengenai beberapa peristiwa yang telah berlaku dalam hidup saya semasa kecil dan remaja, juga sewaktu menjadi peguam dan kemudiannya melibatkan diri dalam politik UMNO. Pengalaman inilah yang telah membentuk asas pendirian saya dan pandangan hidup saya. Selain pembaca daripada generasi saya, amat diharapkan agar anak-anak muda juga dapat meluangkan masa dan ruang untuk memikirkan tentang perkara yang saya bangkitkan di dalam buku ini.

Siapa yang tidak bangga dengan keluarganya. Saya juga begitu. Saya mempunyai tiga orang anak yang cemerlang – Kazran, Ezra dan Alysha. Cemerlang bukan kerana mereka mendapat 9A di dalam peperiksaan ataupun memecahkan rekod itu dan ini. Mereka cemerlang kerana mempunyai sikap, nilai dan pandangan hidup yang memberi keyakinan penuh kepada saya dan isteri bahawa mereka akan terus berjaya di dalam hidup mereka, InsyaAllah. Mereka semua mempunyai keyakinan diri. Mereka rajin dan sentiasa aktif. Mereka juga tidak melihat kekurangan atau kelemahan diri sebagai sesuatu yang semula jadi tetapi sebaliknya sebagai rintangan yang perlu mereka atasi. Mereka mempunyai rakan daripada pelbagai kaum, dan pandangan mereka terhadap banyak hal mencerminkan pemikiran yang terbuka dan toleran kepada sesuatu yang tidak difahami atau tidak dipersetujui. Saya bangga dengan mereka. Begitulah juga kita semua, mengharap anak bangsa kita juga maju, dari segi pendidikan, pekerjaan atau perniagaan. Kita juga mengharap agar anak bangsa kita dapat terus mengekalkan nilai murni bangsa, tidak mudah dibeli dan disogok. Kita mahu Melayu sedar akan harga diri dan penuh keyakinan dengan keupayaannya sendiri. Apabila sikap dan pandangan orang Melayu adalah progresif, moden dan membina, pembentukan nilai dan sistem politik yang lebih sihat

akan menyusul. Setelah itu berlaku, kita berharap agar politik orang Melayu akan sekali lagi menjadi penggerak dan penentu masa depan Malaysia sebagai masyarakat yang maju, majmuk, aman dan dihormati.

Hari ini kepemimpinan politik negara dilihat sebagai politik *cowboy*. Dalam siri TV *The Wild Wild West* yang saya tonton pada zaman muda dahulu, watak-watak yang mempunyai pistol dan cekap menggunakannya merupakan mereka, yang berkuasa. Tidak ada undang-undang dan peraturan; kalau pun ada, ianya boleh dijual beli. Inilah budaya politik *cowboy* yang berleluasa di negara kita sekarang ini. Saya bimbang trend ini, di mana kuasa boleh dibeli, dan kuasa digunakan untuk mencari kesahihan, akan menghancurkan segala pencapaian yang ada. Sesetengah orang Melayu sudah tidak tahu lagi membezakan mana yang baik dan mana yang buruk dalam penentuan nilai politik mereka. Wang ringgit dan kuasa telah menjadikan wawasan mereka kabur.

Ada empat perkara yang saya harap dapat dicapai melalui buku ini.

**Pertama**, buku ini akan menggalakkan lebih ramai lagi orang Melayu agar membaca untuk menambahkan ilmu mereka. Hanya dengan ilmu, barulah mereka dapat mengatasi kejahilan tentang perkara-perkara asas. Alangkah seronoknya kalau anak-anak kita dapat menikmati keindahan ilmu seperti anak-anak kampung Belitong dalam novel *Laskar Pelangi* karya Andrea Hirata. Anak-anak muda mestilah membaca bukan sahaja buku kisah cinta ataupun buku agama tetapi juga buku-buku sastera, buku falsafah, buku perniagaan dan buku-buku lain yang berfaedah. Anak muda Melayu perlu banyak membaca. Membaca *Utusan Malaysia* sahaja tidak akan mengembangkan pemikiran mereka. Melalui Internet, banyak perkara yang dapat kita cari dan pelajari. Dunia telah banyak berubah dan maklumat ada di hujung jari. Ambillah peluang ini dan bacalah tentang semua perkara yang diminati. Hanya melalui buku, kita akan mendapat pengetahuan. Membaca adalah tabiat yang baik. Bacalah apa sahaja yang kita minati. Malah, bacalah apa sahaja yang

ada di Internet. Suatu hari nanti, kita akan terkejut kerana sewaktu kita semua dahagakan berita dan laporan yang benar dan tepat, apa yang ditawarkan oleh akhbar-akhbar harian hanyalah berita basi. Sememangnya minda kita akan berkembang apabila banyak membaca. Membaca pastinya akan menambahkan ilmu. Ilmu itulah yang akan mengubah nilai dan pandangan. Itulah yang akan memajukan orang Melayu.

**Kedua**, saya berharap orang Melayu akan memegang erat semangat toleransi dan kesederhanaan. Buku ini cuba mengingatkan kita akan bahayanya sikap perkauman dan nilai fasis yang keterlaluan. Bukankah kita terkenal dengan budi pekerti dan sikap berbaik dengan semua kaum dan bangsa? Jangan hapuskan nilai dan cara hidup ini. Dalam apa hal sekalipun, Melayu tidak harus bersikap ekstrem, bertindak ganas, atau menjadi orang suruhan pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab, yang sering cuba menerapkan perpecahan dan menanamkan sifat perkauman. Kita merupakan kaum dan bangsa yang bermaruah, dan inilah masanya kita menunjukkan kepada mereka yang rakus kuasa dan sombong bahawa Melayu ada harga diri dan Melayu mahukan keamanan dan kesejahteraan untuk semua.

**Ketiga**, demokrasi di negara kita ini adalah demokrasi “kangkung” iaitu demokrasi murahan. Kita bergelar negara demokrasi kerana kita mengadakan pilihan raya setiap lima tahun. Itupun penuh dengan muslihat dan rintangan. Kita masih belum menunjukkan ciri-ciri negara demokrasi bebas di mana rakyatnya tidak perlu bimbang mereka akan ditahan pagi ini akibat pandangan politik yang diluahkan pada malam sebelumnya. Malaysia juga mempunyai banyak undang-undang, tetapi tidak semuanya berteraskan keadilan. Undang-undang tanpa keadilan adalah instrumen atau alat untuk mengamalkan kekerasan dan kekejaman terhadap rakyat. Oleh itu, rakyat mestilah bersatu hati, memperkuatkan tekad untuk mempertahankan sistem yang berteraskan keadilan, yang

hanya ada dalam demokrasi yang tulen. Inilah cabaran bangsa Melayu dan Bangsa Malaysia sekarang ini. Filipina semenjak 1960-an telahpun berjuang bertungkus lumus selama 20 tahun untuk mendapatkan hak asasi dan demokrasi, dan akhirnya mereka telah berjaya pada tahun 1986. Pemimpin pembangkang, Ninoy Aquino, yang merupakan tokoh dan harapan rakyat Filipina, dengan rela telah menyerahkan dirinya ke pangkuan diktator Ferdinand Marcos walaupun beliau sedia maklum bahawa beliau akan dibunuh. Seperti yang dijangka, beliau telah ditembak mati di lapangan terbang Manila sebaik sahaja pulang dari Amerika Syarikat. Kekejaman itu membangkitkan semangat *Kuasa Rakyat* yang akhirnya menjatuhkan pemerintahan kuku besi Marcos.

Pelajar Indonesia pula telah menggadai nyawa kerana mereka mahukan demokrasi dan kuasa rakyat dihormati. Walaupun tuntutan mereka tidak dipedulikan oleh diktator tersebut iaitu Suharto, para pelajar dari Universitas Trisakti, Gajah Mada, Universitas Indonesia dan Bandung dan beberapa universiti lagi telah bersuara dan bertindak membela serta menuntut hak ratusan juta rakyat Indonesia yang mahukan kehidupan yang lebih baik. Walau bagaimana kuat sekalipun kuasa tentera Indonesia, walau seramai mana sekalipun pelajar yang hilang atau terkorban, rakyat tidak berputus asa. Akhirnya Suharto terpaksa menyerah kalah untuk membolehkan rakyat Indonesia menikmati kebebasan dan demokrasi. Pendidikan telah mengubah landskap politik Indonesia buat selama-lamanya. Gerakan aktivis pelajar yang menjatuhkan Suharto pada 1998 sebenarnya telah bermula lebih awal daripada itu kerana pelajar dan mahasiswa di negara itu tidak pernah berputus asa di dalam perjuangan mereka untuk menuntut keadilan dan menentang kezaliman. Gerakan mereka turut disokong oleh golongan akademik dan intelektual.

Salah seorang intelektual hebat Indonesia yang terbabit di dalam usaha reformasi negara itu adalah Profesor Koesnadi Harjasoemantri yang malangnya telah meninggal dunia dalam nahas kapal terbang di Jogjakarta pada tahun 2007. Antara ungkapan beliau yang telah saya.

olah semula sebagai panduan buat semua adalah “ilmu itu adalah cahaya. Tanpa cahaya kita tidak mampu hidup dan dunia akan diselubungi kegelapan walaupun kebenaran berada di samping kita. Dahulu kala, kita terikat di dalam kegelapan. Marilah kita bebaskan rakyat kita melalui pendidikan kerana pengetahuan mampu menghapuskan beban kejahilan dan membebaskan rakyat kita”. Apa yang Koesnadi katakan itu boleh kita terapkan di sini. Hanya pendidikan dan pelajaran yang boleh membebaskan orang Melayu dan Malaysia daripada cengkaman kegelapan.

Demokrasi dan kebebasan tidaklah datang dengan percuma. Ia memerlukan pengorbanan dan perjuangan gigih rakyat jelata. Inilah juga yang menanti kita di Malaysia. Perjuangan untuk menjadikan Malaysia yang lebih baik. Rakyat jelata mestilah kental dan berani membuat perubahan kerana dengan cara itu sahajalah rakyat akan dapat merasai dan berkongsi kekayaan dan kemakmuran yang melimpah di negara bertuah ini. Namun kita harus sentiasa ingat bahawa prinsip dan nilai kita adalah sikap sederhana dan positif. Kita menolak keganasan tetapi ini tidak pula bererti rakyat sanggup diperlakukan dengan hina dan ganas.

**Keempat,** saya menulis buku ini kerana saya mahu melihat anak-anak saya dan generasi muda Melayu dan bukan Melayu memahami bahawa tidak ada jalan yang mudah di dalam hidup ini untuk mencapai kejayaan. Lebih-lebih lagi kalau kita merupakan anak orang kebanyakan yang bukan dari golongan ternama atau bangsawan, yang mempunyai nama dan pangkat. Kejayaan yang dicari mestilah berasaskan keupayaan dan usaha gigih. Tidak ada kejayaan yang dicapai oleh mana-mana bangsa di dunia ini dengan hanya bergantung kepada hak istimewa ataupun dengan pertolongan kerajaan semata-mata. Ianya bergantung kepada sesuatu bangsa itu untuk memilih cara hidup yang sihat, nilai yang baik, sanggup bersaing dan usaha gigih yang berterusan. Kemandirian kita sebagai kaum dan bangsa yang bermaruah sering diuji di dalam

dunia moden sekarang ini di mana nilai kemanusiaan menjadi begitu relatif sekali. Mempertahankan prinsip dan kebenaran menjadi satu tanggungjawab demi kemajuan yang berkekalan. Dan kalau Melayu menghargai harga diri, kita mestilah sanggup menolak budaya rasuah atau menjadi pak turut semata-mata untuk mencari upah dan pangkat. Contohilah pohon poplar, yang dikenali sebagai Euphrates, di negara China di mana akar umbinya menular ke dalam tanah melebihi 50 meter. Pohon ini mempunyai tapak dan asas yang kukuh. Ia mampu hidup seribu tahun, serta mampu menahan kemarau dan ribut taufan di padang pasir China. Selepas seribu tahun, dahan dan daunnya akan mula gugur namun pohon ini tetap tegap untuk seribu tahun lagi sebelum tumbang. Kekuatan dalaman pohon poplar inilah yang perlu kita bina bagi Melayu.

Kejayaan yang kita cari juga mestilah kejayaan yang tidak memerlukan kita untuk menggadai nilai kita sebagai orang Melayu yang beragama Islam. Kita wajib bersolat dan puasa, patuh kepada ajaran agama, dan mengakui bahawa kita sering melakukan dosa. Tetapi kita harus lebih takut kepada dosa yang kita lakukan terhadap manusia lain. Baru-baru ini kedengaran suara Hishammuddin Hussein dan rakan-rakannya dalam Pemuda UMNO yang melaungkan dengan lantang bahawa mereka sanggup menumpahkan darah demi membela kedudukan Raja-Raja Melayu. Begitulah kuatnya semangat Hishammuddin, di mana sebelum ini beliau juga telah menghunus keris sewaktu perhimpunan agung UMNO demi membela nasib bangsa. Semua ini kita alu-alukan kerana ia amat berbeza dengan ucapan para pemimpin UMNO 15 tahun dahulu yang mahu menghapuskan kekebalan Raja-Raja Melayu. Saya amat berharap mereka juga akan sanggup berjuang ke titis darah terakhir untuk menegakkan kebenaran dan keadilan di negara tercinta ini. Ini perlu demi kebaikan setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama, ataupun kedudukan dan pangkat.



*“Saya rasa buku ini patut dibaca oleh anak-anak muda kita, khususnya mereka dari kampung dan keluarga tak berada. Zaid telah menulis tanpa segan dan malu mengenai latar belakang hidupnya yang berasal dari kampung yang penuh dengan permasalahan dan cabaran untuk mencapai kejayaan bagi diri dan keluarganya. Beliau juga memberi penekanan kepada nilai yang baik yang patut ada dalam diri orang Melayu yang mahu berjaya dalam hidup mengikot lunas-lunas yang bersih.”*

*- Tengku Razaleigh Hamzah*



*Saya Pun Melayu*, memberi peluang kepada pembaca memahami dengan lebih jelas siapa Zaid Ibrahim. Kenapa beliau meletak jawatan sebagai Menteri dan seterusnya dipecat daripada UMNO, parti yang disertainya selama 23 tahun, dan mengapa sesetengah pemimpin UMNO begitu membencinya sehingga mendesaknyanya keluar daripada rumpun Melayu. Anda akan mengetahui rahsia di sebalik kritikan beliau terhadap konsep Ketuanan Melayu serta pandangannya berhubung kedudukan Raja-raja Melayu dari sudut undang-undang dan politik. Zaid juga berkongsi pengalaman sebagai anggota kabinet Abdullah Badawi serta mengupas sejauh mana kemampuan dan

kelemahan Najib untuk memulihkan keyakinan rakyat kepada kerajaan.

Tulisan Zaid mungkin kontroversi, tetapi bagi beliau kebenaran harus ditampilkan meskipun pahit. Buku ini menyerlahkan pandangan, kritikan dan cadangan penulis yang ingin melihat demokrasi dipupuk dan disuburkan di Malaysia.

*Saya Pun Melayu*, adalah buku yang menarik, dan seronok dibaca untuk kita memahami dengan jelas tentang kemelut politik, ekonomi dan sosial yang melanda Malaysia masa kini.



ZI Publications Sdn. Bhd. 398106-W

ISBN 978-967-5266-42-3



9 789675 1266423

